



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**PERSARAAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE-9:
MENYANTUNI LEGASI TRANSFORMASI DAN KECEMERLANGAN DATO' SRI
DR. MOHD UZIR MAHIDIN (2017–2026)**

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan penuh takzim merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin atas khidmat bakti, dedikasi, serta kepimpinan cemerlang beliau sepanjang 36 tahun berkhidmat dalam Sistem Statistik Malaysia, dengan hampir sembilan tahun menerajui Jabatan sebagai Ketua Perangkawan Malaysia sejak tahun 2017. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, DOSM telah mengalami anjakan paradigma yang signifikan, bertransformasi daripada sebuah institusi pengeluar statistik rasmi kepada sebuah agensi data strategik negara yang berpaksikan integrasi data, analitik lanjutan, sains data dan kecerdasan buatan. Di bawah kepimpinan beliau, statistik tidak lagi sekadar dilihat sebagai instrumen pelaporan, sebaliknya telah diangkat sebagai **aset strategik negara** yang menyokong perancangan pembangunan, tadbir urus, dan pembuatan keputusan berasaskan bukti.

Legasi terbesar beliau adalah kejayaan memperkukuh Sistem Statistik Negara melalui agenda **Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN)** yang menjadi kerangka utama dalam memperkasa koordinasi dan kualiti statistik rasmi merentasi kementerian serta agensi kerajaan. Melalui agenda ini, pelbagai pembaharuan strategik telah dilaksanakan, termasuk penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) sehingga ke peringkat negeri dan daerah, pemodenan Akta Perangkaan 1965 [Akta 415] untuk disesuaikan dengan era digital, serta pembangunan keupayaan dalam bidang kecerdasan buatan dan sains data. Inisiatif-inisiatif ini telah meletakkan asas yang kukuh ke arah pembentukan ekosistem data yang lebih moden, bersepadu, dan responsif. Beliau turut mempelopori agenda **pendemokrasian data** melalui OpenDOSM NextGen yang memperluaskan akses rakyat kepada statistik rasmi secara terbuka dan mesra pengguna, sekali gus memupuk budaya celik data dalam kalangan masyarakat. Selari dengan keperluan semasa, inisiatif digital sentiasa ditambah baik termasuk OpenDOSM Next Gen, MyPAKW dan MyLabourHub. Ini merupakan antara usaha berterusan dalam memastikan perkhidmatan statistik kekal relevan dan mengambil kira keperluan global. Pendekatan beliau yang lebih granular melalui penerbitan statistik setempat seperti Laporan Statistik Kawasan Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN), MyLocalStats, serta Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Daerah telah membuka dimensi baharu dalam pembangunan wilayah dan perancangan tempatan.

Kepimpinan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir juga menyaksikan **pelaksanaan projek-projek strategik berimpak tinggi** yang memanfaatkan integrasi data dan analitik lanjutan seperti Pangkalan Data Utama (PADU), MyLabourHub, MyPAKW, Kalkulator Jangka Hayat, dan TaniStats. Komitmen beliau terhadap pemanfaatan teknologi digital diterjemahkan melalui penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (NBDAC) yang menjadi pemangkin kepada penggunaan sumber data baharu dalam ekosistem statistik negara. Komitmen ini turut merangkumi penghasilan inisiatif digital baharu seperti Kalkulator Sebab Kematian, Dashboard Interaktif berkaitan Orang Asli di Malaysia dan Dashboard Beyond GDP. Di samping itu, beliau telah menerajui **tiga operasi statistik terbesar negara** yang menjadi mercu tanda sejarah statistik Malaysia, iaitu Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 sebagai Pesuruhjaya Banci Keenam Negara, Banci Pertanian 2024, serta Banci Ekonomi 2026 yang sedang dilaksanakan. Khususnya, pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 merupakan satu pencapaian yang sangat signifikan kerana berjaya dilaksanakan dengan pendekatan inovatif berteraskan teknologi digital walaupun dalam suasana mencabar pandemik COVID-19.

Di peringkat antarabangsa, kepimpinan beliau telah berjaya mengangkat nama Malaysia sebagai **peneraju statistik rasmi dunia**. Sejak tahun 2017, beliau konsisten mewakili Malaysia dalam Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Statistical Commission*) dan memegang pelbagai jawatan kepimpinan penting, termasuk sebagai Pengerusi *ASEAN Community Statistical System* (ACSS), Pengerusi *Governing Council Statistical Institute for Asia and the Pacific* (SIAP), serta pelbagai peranan strategik antarabangsa yang lain. Di bawah kepimpinan beliau, Malaysia mencapai sejarah apabila menduduki tempat nombor satu dunia dalam *Open Data Inventory* (ODIN), yang mengiktiraf keupayaan negara dalam keterbukaan data dan liputan statistik. Kejayaan penganjuran *International Statistical Institute World Statistics Congress* (ISI WSC) 2019 dan *ASEAN-Malaysia Statistical Forum* (AMSF) 2025 di Malaysia turut mencerminkan keyakinan komuniti global terhadap kredibiliti kepimpinan beliau.

Dalam usaha membudayakan statistik, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir telah menjayakan **pengisytiharan Hari Statistik Negara (HSN)** yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan data dalam kehidupan. Beliau juga amat menitikberatkan pembangunan modal insan melalui *Statistical Capability Development Programme* (SCDP) yang berjaya melahirkan 49 Saintis Data DOSM, serta memperkasa Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) sebagai pusat kecemerlangan pembangunan kapasiti statistik negara. Selain itu, beliau membina budaya organisasi yang progresif, berprestasi tinggi dan berjiwa insan melalui inisiatif seperti FitDOSM serta pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Sesuai dengan persaraan beliau yang berkuat kuasa pada 8 Julai 2026, DOSM merakamkan penghargaan tertinggi atas segala jasa dan pengorbanan beliau. Legasi yang ditinggalkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, yang sentiasa menekankan nilai integriti, profesionalisme, dan budaya pembelajaran sepanjang hayat, akan terus menjadi inspirasi kepada seluruh warga DOSM dalam meneruskan transformasi statistik negara demi kemakmuran Malaysia MADANI.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

"STATISTIK NADI KEHIDUPAN"

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 JULAI 2026